

06 FEBRUARI 2018

Sorok syabu dalam tong plastik

10 NEGARA

KOSMO! SELASA 6 FEBRUARI 2018

Polis tumpaskan sindiket pengedaran dadah bernilai RM2.05 juta ke Indonesia

Sorok syabu dalam tong plastik

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KLANG – Polis menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah jenis syabu ke Indonesia dengan tertangkapnya empat lelaki dalam tiga serbuan berasingan sekitar Pulau Indah di sini Sabtu lalu.

Empat lelaki yang ditahan dalam serbuan pukul 10.45 malam itu terdiri daripada dua lelaki tempatan dan dua lelaki warga Indonesia berusia antara 27 hingga 44 tahun.

Timbalan Pengarah (Risikan dan Operasi) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Kang Chez Chiang berkata, pihaknya turut merampas syabu seberat kira-kira 29.35 kilogram (kg) bernilai RM2.05 juta dalam serbuan itu.



CHEZ CHIANG (dua kanan) menunjukkan tong yang digunakan untuk menyimpan dadah pada sidang akhbar di IPD Klang Selatan semalam.

Katanya, dalam serbuan pertama di sebuah rumah di Kampung Perigi Nenas, Pulau Indah, pihaknya menahan seorang lelaki warga tempatan dan merampas 27 ketulan mampat

syabu seberat 29.35kg yang disorokkan dalam empat buah tong plastik yang disimpan di dalam but sebuah teksi.

"Susulan penahanan suspek pertama, kita kemudiannya berjaya menahan tiga lagi suspek termasuk dalam sindiket di dua lokasi berasingan di Pulau Indah iaitu di Persiaran Masjid Sultan dan di sebuah stesen minyak.

"Semakan ke atas kesemua suspek mendapati salah seorang daripada mereka merupakan dalam sindiket berusia 44 tahun dan mempunyai satu rekod jenayah lampau berkaitan dadah," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan di sini semalam.

Tambah Chez Chiang, pihaknya turut membuat sitaan berjumlah RM13,000 melibatkan

rampasan sebuah kereta jenis Perodua Viva dan rampasan wang mata wang Indonesia sebanyak 2 juta rupiah (RM600).

Jelas beliau, pihaknya percaya kesemua dadah itu diperoleh dari negara jiran sebelum diseludup ke Aceh, Indonesia melalui jalan air sama ada melalui nelayan, kapal dagang dan juga feri penumpang.

"Kita percaya warga Indonesia ini berperanan menyediakan pengangkutan ke Indonesia dan lelaki tempatan bertindak "runner" untuk sindiket ini.

"Malaysia hanya menjadi transit sebelum sindiket ini menyeludup semula dadah tersebut ke negara Indonesia yang mana harganya dijual tiga kali ganda lebih tinggi daripada harga pasaran di Malaysia," katanya.